

KDN masih tunggu laporan dakwaan Munsyi

AM - 5 AUG 2003
GENTING HIGHLANDS 4 Ogos -- Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih menunggu laporan daripada Ketua Turus Umum Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PT-CM), Staff Marshal Munsyi Muslim Yacob mengenai dakwaannya berhubung pembabitatan seorang menteri Kabinet dalam Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Timbalan Menterinya, Datuk 'Chor Chee Heung berkata, Munsyi sehingga kini belum menyerahkan nama menteri yang dimaksudkannya walaupun telah diminta berbuat demikian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Setakat ini kita tidak tahu lagi, kami masih menunggu (laporan)," katanya selepas melepaskan peserta Lumba Jalan Kaki 84 Jam Antarabangsa Malaysia anjuran Persatuan Lumba Jalan Kaki Malaysia di sini, hari ini.

Beliau mengulas dakwaan Munsyi bahawa beliau mempunyai maklumat dan bukti bertulis mengenai pembabitatan seorang menteri Kabinet dalam PKPM.

Menurut Chee Heung, dalam hal ini, PT-CM yang ditubuhkan untuk membantu rakyat dalam masa bencana memang mendapat kelulusan daripada kementerian yang relevan.

Bagaimanapun, katanya, PKPM yang ditubuhkan oleh ahli serpihan PTCM berjaya mengelirukan orang ramai dengan menggunakan kelulusan yang diberi kepada PTCM untuk merekrut ahli mereka sendiri.

Beliau menjelaskan, masih terlalu awal untuk polis mengenal pasti kategori mereka yang terlibat dalam kumpulan tersebut serta jumlahnya kerana masih ada yang belum menyerah diri kepada polis.

"Pihak polis sedang berusaha secepat mungkin untuk menyelesaikan kes ini dan apabila selesai mereka akan memaklumkan kepada kementerian," jelasnya.